



PROF. Dr. Shamsul Amri Baharuddin menunjukkan novel *Interlok* di Putrajaya, semalam.

Panel tiada prasangka terhadap Abdullah

PUTRAJAYA 16 Feb. – Panel bebas mengkaji pindaan novel *Interlok* yang bersidang hari ini sebulat suara bersetuju bahawa tidak timbul sebarang buruk sangka terhadap penulis novel, Datuk Abdullah Hussain.

Pengerusi panel, Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin berkata, anggota panel turut bersetuju bahawa penulis novel yang juga Sasterawan Negara itu perlu dihormati dan integritinya diperlakukan.

“Kesemua anggota panel seramai lapan orang yang terdiri daripada pakar bahasa, ahli akademik, sasterawan, wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta wakil masyarakat India berbincang dalam semangat muhibbah.

“Perbincangan berjalan dengan baik untuk mencari penyelesaian dan menjernihkan keadaan ekoran kontroversi terhadap isu novel ini,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama panel bebas itu di Kementerian Pelajaran di sini hari ini.

Menurut Dr. Shamsul Amri, panel tersebut dijangka mengemukakan perakuan kepada kerajaan mengenai bentuk pindaan terhadap novel itu dalam tempoh sebulan dari sekarang.

Kata beliau, satu atau dua lagi mesyuarat akan diadakan sebelum sebarang persetujuan dicapai mengenai cadangan untuk memindahkan novel tersebut.

“Anggota panel tidak meletakkan tempoh tertentu tetapi kita

mahu cepat kerana perkara ini tidak boleh lama sangat,” katanya.

Pada 27 Januari lepas, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan bahawa novel *Interlok* akan terus digunakan sebagai teks komponen sastera (Komsas) bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk pelajar Tingkatan Lima di Zon 2 iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan.

Kerajaan bagaimanapun bersetuju untuk membuat beberapa pindaan pada bahagian-bahagian yang dianggap sensitif oleh masyarakat India dalam novel itu.

Selain Dr. Shamsul Amri yang juga Pengarah Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), anggota panel bebas itu turut dianggotai isteri penulis novel berkenaan, Datin Siti Saroja Basri.

Anggota lain ialah Ketua Pengarah DBP, Datuk Termuzi Abdul Aziz; Pengarah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Prof. Datuk Zainal Abidin Bo-rhan; Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin dari Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM).

Turut tersenarai Pengarah Pusat Pendidikan Global Aminuddin Baki Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof. Dr. NS Rajendran dan bekas pegawai Kementerian Pelajaran, G. Krishnabahan dan penulis, Uthaya Sankar.